A Singapore Government Agency Website. Beware of government impersonation scams. How to identify



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.



# MB bidas wakil2 yg ta' jujor kapada pengundi2

Berita Harian, 5 March 1963, Page 5



# MB bidas wakil2 yg ta' jujor kapada pengundi2

KAJANG, Ithnin.

MENTERI Besar Selangor, Dato Abu Bakar Baginda telah menyesalkan sikap sa-tengah2 ra'ayat di-negeri ini yang tidak mahu mengakui kebenaran bahawa ranchangan Kemajuan Luar Bandar yang di-jalankan Kerajaan sekarang sedang memberikan faedah kapada ra'ayat.

Dato Bakar juga menyesalkan ada-nya wakil ra'ayat yang mengatakan ranchangan pembangunan luar bandar konon tidak mengubah nasib ra'ayat.

Menteri Besar itu menyatakan demikian ketika beruchap di-hadapan sa-ramai 500 orang ra'ayat dalam majlis merasmikan UMNO chawangan Kampong ranchangan luar bandar Sungai Merab, 8 batu dari Kajang pada

batu dari Kajang pada petang semalam.

Beliau menchabar wakil2 ra'ayat yang saperti itu supaya meletakkan jawatan mereka sa-bagai ahli Majlis Undangan Negeri.

"Wakil ra'ayat saperti itu telah melupakan nasib pengundi2-nya sendiri sa-telah mendapat kemewahan hidup ketika menjadi wakil ra'ayat", kata-nya.

## Waspada

Dato Barar mengingatkan ra'ayat supaya berhati2 kelak memberikan undi mereka kapada chalun2 pilehan raya di-masa hadapan.

"Chalun2 saperti itu harus di-singkirkan kalau mereka bertanding sekali lagi tahun 1964 yang akan datang ini", kata-nya.

Beruchap mengenai kemajuan luar bandar sekarang "membuang wang menyesalkan juga tudohan2 yang di-buat oleh sa-tengah2 wakil ra'ayat terhadap ranchangan itu.

Sa-tengah2 wakil ra'ayat menudoh ranchangan kemajuan luar bandar sekarang. Dato Bakar sahaja sedangkan penghidupan ra'ayat tidak berubah", kata Dato Bakar lagi.

NLB

Contact Us Feedback FAQ

Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement
Takedown Policy

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31